# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA

## (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980
LAMAN WEB :WWW.PIKM.MY


*Presiden*
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

*Timbalan Presiden*
KAPTEN HJ NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

*Naib Presiden*
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

*Setiausaha Kehormat*
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

*Bendahari Kehormat*
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

*Penolong Setiausaha*
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

*Penolong Bendahari*
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

*Ahli-ahli Jawatankuasa*
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN TUDM (B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

*Juruaudit Dalaman*
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

*Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur*
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

*Pengerusi Zon Selangor*
SHANKER RAJ AYANGER

*Pengerusi Zon Selatan*
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

*Pengerusi Zon Perak*
ZAITON BT MOHD NUSI

*Pengerusi Zon Kedah & Perlis*
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

*Pengerusi Zon Terengganu*
HJ NORZAINI B. HUSSIN

*Pengerusi Zon Kelantan*
AFENDI BIN MUKHTAR

*Pengerusi Zon Pahang*
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

*Pengerusi Zon Pulau Pinang*
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

*Pengerusi Zon Melaka*
DATO' GAN PENG LAM

*Pengerusi Zon Negeri Sembilan*
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

*Pengerusi Zon Sabah*
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

*Pengerusi Zon Sarawak*
SHAHARUDDIN B. SAMSI

*Sekretariat*

*Pengurus Besar*
JEFF NOR JETTEY


PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(13) 10 APRIL 2020

**SEMUA AHLI PIKM**
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE - 13/2020:**
**PENGEMASKINIAN STATUS BAYARAN KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK) DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. PIKM sedia maklum terhadap isu-isu yang dihadapi oleh syarikat-syarikat ahli yang menyediakan perkhidmatan kontrak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Antaranya berkaitan isu tunggakan bayaran perkhidmatan dan kesukaran syarikat untuk mendapatkan pengesahan perkhidmatan dan maklumbalas status inbois bayaran disebabkan ketiadaan kakitangan di Sekolah atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

3. Berkaitan perkara tersebut, PIKM telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan kenyataan media dan mengemukakan surat-surat untuk menggesa pihak kerajaan terutama KPM bagi merangka solusi dengan kadar segera. Terkini, PIKM menerima maklumbalas dari KPM terhadap perkara seperti berikut:

3.1 KPM telah mengeluarkan arahan supaya pembayaran kontrak harus dilaksanakan oleh pihak PPD / Pegawai Bertanggungjawab;

3.2 Perlaksanaan pengesahan dokumen dan proses maklumbalas status inbois dan bayaran dalam tempoh PKP perlu diteruskan oleh Pihak Pengurusan Sekolah dan PPD.

4. Sehubungan itu:

4.1 Syarikat Ahli yang masih **tidak menerima bayaran** kontrak sehingga inbois **bulan Februari 2020** (inbois telah disahkan dan dihantar):

Tindakan:
Sila **kemaskini maklumat** dan kemukakan laporan terperinci kepada Sekretariat melalui portal e-PIKM (***https://www.e-pikm.my)***. Tatacara mengisi dan kemaskini maklumat tunggakan bayaran adalah seperti di **Lampiran I.**


SEKRETARIAT PIKM: UNIT 715 & 716, BLOK A, TINGKAT 7, KELANA BUSINESS CENTRE, JALAN SS7/2, KELANA JAYA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

TEL : 03-7804 7359/03-7804 9358 FAX : 03-7886 7246/ 03-7803 8691

4.2 Syarikat Ahli yang **telah menerima bayaran** bagi mana-mana bulan tertunggak sehingga inbois bulan Februari 2020:

Tindakan:
Sila **kemaskini maklumat status bayaran** melalui portal e-PIKM (***https://www.e-pikm.my*)*.** Tatacara mengisi dan kemaskini maklumat tunggakan bayaran adalah seperti di **Lampiran I.**

4.3 Syarikat Ahli yang **berhadapan masalah mendapatkan pengesahan dokumen atau maklumbalas** status inbois bayaran semasa PKP:

Tindakan:
Sila kemaskini borang maklumbalas melalui portal e-PIKM (***https://www.e-pikm.my*)*.** Tatacara mengisi dan kemaskini maklumat tunggakan bayaran adalah seperti di **Lampiran II.**

5. Maklumat daripada syarikat yang terlibat diperlukan **pada atau sebelum 17 April 2020 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengahari untuk** tindakan lanjut PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**KU NORAZMI BIN DATO' HJ IMAM ASMAWI**
**SETIAUSAHA KEHORMAT**

b.p: Presiden

**<u>Lampiran I</u>**

## TATACARA MENGISI BORANG ADUAN TUNGGAKAN BAYARAN MELALUI SISTEM e-PIKM

**Langkah 1**: Login ke sistem e-PIKM di https://www.e-pikm.my/clients/

**Langkah 2**: Klik pada menu "Pengurusan Syarikat" dan seterusnya menu "Tunggakan Bayaran".




**Langkah 3**: Anda akan dibawa ke halaman "Borang Aduan Tunggakan". Sila isi maklumat seperti yang ditunjukkan di bawah.



*Isi maklumat pelanggan dan maklumat tunggakan (invois & jumlah) dengan lengkap dan tepat.*




*Isi maklumat anda (pengisi maklumat) bagi memudahkan pihak PIKM menghubungi anda jika perlu. Klik butang 'Hantar Maklumat Kelewatan Pembayaran' untuk menghantar maklumat ini ke PIKM.*




*Maklumat yang berjaya dihantar akan memaparkan mesej seperti di atas.*

**Langkah 4:** Syarikat perlu mengemaskini "status" samada tunggakan bayaran telah diterima (selesai) atau pun belum menerima bayaran *(pending)* melalui jadual "Rekod Aduan Tunggakan" di halaman yang sama dengan "Borang Aduan Tunggakan" seperti di bawah.

**Rekod Aduan Tunggakan**

| No. Invois | Tarikh Invois | Pelanggan | Tunggakan | Status | Maklumbalas PPKKM |
|---|---|---|---|---|---|
| 123123123 | 09-01-2019 | Pejabat Pelajaran Daerah Marang | 12,000 | Pending | |

Untuk sebarang bantuan berkaitan menggunakan Borang Aduan Tunggakan melalui sistem e-PIKM, **sila Whatsapp ke talian 0137000898.**

<u>Lampiran II</u>

**<u>Tatacara Mengisi Borang Atas Talian Maklumbalas Isu Pengesahan Dokumen / Inbois Sekolah</u>**

<table>
<tr>
<td>

**<u>LANGKAH 1:</u>**

Klik pada menu **Pengurusan Syarikat** > **Isu Pengesahan KPM**

</td>
<td>

**<u>LANGKAH 2:</u>**

Isi maklumat pada ruang yang dikehendaki. Setelah selesai, kilk **Hantar**

Maklumat bertanda (*) tidak boleh dikosongkan.

Contoh :<br>
Zon : **Kuala Terengganu 1**<br>
Negeri : **Terengganu**<br>
Pejabat Pelajaran Daerah : **Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Terengganu**<br>
Keterangan Masalah :<br>
***Guru Besar Sekolah ABC tidak boleh tandatangan dokumen ketika PKP***<br>
***Guru Besar Sekolah DEF tidak boleh tandatangan dokumen ketika PKP***

*Catatan: Sila isi aduan secara berasingan untuk setiap zon yang berbeza.*

</td>
</tr>
<tr>
<td>




</td>
<td>




</td>
</tr>
</table>